

Edisi 9/2017

BULETIN

www.townplanning.sabah.gov.my

MENARIK DI DALAM

**ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN
KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI 2015**

PELANCARAN PELAN INTEGRITI JPBWS 2016-2020

IKRAR BEBAS RASUAH

**PROGRAM KESEDARAN GARIS PANDUAN
GEMPA BUMI**



PEKAN TAMBUNAN

SIDANG REDAKSI 2017

PENASIHAT

TPr. Tuan Haji Mursidi Haji Sapie

PENGERUSI

Puan Bernadette C. Edmund

KETUA EDITOR

Cik Carolyn Tay

EDITOR & PEREKA GRAFIK

Encik Augus Tamaning

AHLI JAWATANKUASA

Encik Nazri Hamburg
Puan Nurulhayati Awang More
Encik Sharum Radzlee Mohd Samlih
Encik Abd Wahid Abd Rashid
Encik Danny F. Malinggi
Encik Pasdik Francies
Puan Rozidah Samudin
Encik Abd Wahid Abd Rashid
Encik Alif Abdul Fatah
Puan Mariani Udai
Encik Joe Gadayok
Puan Jainisan Roman
Encik Suhaili Laiman



Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah

Tingkat 3,4 dan 5, Blok B,
Wisma Tun Fuad Stephens,
km 2.4, Jalan Tuaran,
88646 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.
Tel: 088-222336/7 Faks: 088-222557

website: <http://www.townplanning.sabah.gov.my>

Kami menghargai sebarang komen, maklum balas dan cadangan daripada anda. Sila kemukakannya melalui e-mel di atas.



DICETAK OLEH PENCETAK KERAJAAN
ENCIK POLITIN @ WENEN BIN MOBIJI, A.D.K., B.S.K.
JABATAN CETAK KERAJAAN SABAH, MALAYSIA
2018

Sidang Redaksi mengalu-alukan mana-mana pihak yang sudi menyumbangkan artikel mengenai pelbagai topik tentang bidang perancangan bandar dan desa. Anda boleh menghantarnya menerusi e-mel diatas untuk pertimbangan pada keluaran buletin akan datang. Kami mengucapkan terima kasih di atas sumbangan artikel berkenaan.

ISI KANDUNGAN



DARI MEJA PENGARANG

Seperti kata pepatah Inggeris “Change is Constant” yang bermaksud perubahan adalah tetap dan akan sentiasa berlaku kerana tanpa perubahan kemajuan tidak akan dicapai. Oleh yang demikian, dalam keluaran buletin JPBW Edisi 9, 2017 ia sekali lagi akan mempamerkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh JPBW melalui aktiviti-aktiviti tahunan dan baru yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017.

Kejayaan acara persidangan perancangan tahunan sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia yang telah diadakan pada 31 Oktober 2017 di Megellan Sutra dengan kehadiran hampir semua ahli-ahli kabinet dan 500 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang telah menunjukkan bidang perancangan bandar adalah penting dalam membantu pembangunan di Negeri Sabah. JPBW juga telah sekali lagi menerima anugerah lima bintang Indeks Akauntabiliti peringkat kebangsaan dalam Majlis Anugerah Pengurusan Kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti 2016. Pelaksanaan beberapa program seperti Kursus Integriti Perancangan dan Pengurusan landskap bagi Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sabah, Program Kesedaran Gempa Bumi kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Pelancaran Integriti JPBW dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) JPBW juga telah dilaksanakan dengan jayanya. Selain itu, Bulletin Edisi 9, 2017 juga akan memberikan informasi dan aktiviti-aktiviti setiap bahagian di JPBW untuk dikongsikan bersama.

Diharapkan informasi-informasi yang ada di dalam bulletin kali ini akan dapat membantu semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang perancangan gunatanah dan landskap di Negeri Sabah.

Carolyn Tay.
KETUA EDITOR

4 PERUTUSAN MENTERI KKTP

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah.

5 PERUTUSAN SETIAUSAHA TETAP KKTP

Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah.

6 PERUTUSAN PENGARAH JPBWS

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Sabah.

7 KURSUS INTEGRITI PERANCANGAN DAN PENGURUSAN LANDSKAP BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI SABAH

8 LANDSKAP PERBANDARAN PUTATAN

'Landmark' dan ruang beriadah yang baru.

9 PROGRAM RAKAN TAMAN

10 STATISTIK PELAN PEMBANGUNAN 2017

Bilangan permohonan pelan pembangunan yang diproses sepanjang tahun 2017.

12 PROGRAM PELUPUSAN REKOD

Program dilaksanakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, cawangan Tawau.

13 LAWATAN KE JPBWS OLEH INTAN SABAH

Ke arah Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam.

14 PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Perlaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Bahagian Tawau.

14 PROGRAM KESEDARAN GARIS PANDUAN GEMPA BUMI

16 LATIHAN INDUSTRI

Pendedahan para pelajar dalam alam pekerjaan.

18 MAJLIS ANUGERAH APC 2015-2016

Kakitangan jabatan diraikan atas pencapaian perkhidmatan yang cemerlang di sepanjang tahun 2015-2016.

19 MAJLIS PELANCARAN PELAN INTEGRITI JPBWS 2016-2020

Menggariskan strategi pelaksanaan mencapai nilai-nilai integriti di JPBWS.

20 MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH

Semua kakitangan melafazkan ikrar untuk mengatakan tidak kepada RASUAH.

21 MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI 2015

Terus cemerlang dalam melaksanakan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan.

22 MAJLIS PENYERAHAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE 3

24 PERSIDANGAN PERANCANGAN BANDAR NEGERI

Public Participation Towards Liveable Cities in Sabah.

24 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

25 SAMBUTAN HARI JADI RASMI TYT NEGERI SABAH

26 SUKAN NASIONAL PERANCANGAN BANDAR DAN DESA KALI KE 18

26 RUMAH TERBUKA HARI RAYU AIDILFITRI DAN PESTA KAAMATAN

27 AKTIVITI BKI

28 WARGA JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

PERUTUSAN

YANG BERHORMAT MENTERI

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, SABAH

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Negeri Sabah (JPBW) iaitu salah satu agensi terpenting di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan kerana sekali lagi telah menerbitkan Buletin JPBW Edisi-9.


Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada warga JPBW kerana telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan prosedur perancangan bandar dan kawalan pembangunan lebih cekap dan bersepadu. Hal ini terserlah apabila Manual Piawaian & Garis Panduan Perancangan Umum untuk Kawalan Pembangunan di Sabah telah saya lancarkan juga pada Hari Perancangan Bandar Sedunia 2017 lalu. Manual ini merupakan satu inisiatif berterusan JPBW bagi menjadikan pembangunan fizikal di Sabah lebih terancang, tersusun dan sudah tentu membawa keselesaan dan keselamatan kepada kita semua. Tambahan juga, manual ini akan memberikan panduan asas lengkap kepada pelabur dalam sektor hartanah dan perindustrian dan diharap akan mengurangkan birokrasi yang berpunca daripada maklumat-maklumat perancangan yang lapuk dan sudah tidak relevan dalam konteks keperluan perancangan bandar pada masa kini.

Tahniah juga saya ingin ajukan kepada warga JPBW yang telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2015 & 2016. Penganugerahan ini haruslah dianggap sebagai pencetus semangat kepada seluruh warga JPBW khususnya dan penjawat awam amnya agar sentiasa rajin dan berusaha dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Saya memuji dedikasi yang diberikan oleh para penerima APC yang bukan sahaja tergolong dalam kalangan mereka yang sudah lama berkhidmat di JPBW, malah juga terdiri daripada mereka yang baru sahaja berkhidmat. Hal ini menunjukkan bahawa warga JPBW, tidak kira umur, bangsa dan agama komited dalam merealisasikan hasrat, aspirasi dan dasar kerajaan dalam menjadikan Sabah sebuah negeri yang maju dan makmur.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga JPBW kerana sudi memberikan saya ruangan dalam menyampaikan perutusan saya ini. Seperti di tahun-tahun sebelum ini, saya menyeru agar agensi-agensi yang bernaung di bawah Kementerian kelolaan saya ini akan terus melaksanakan tugas dengan penuh integriti dan beramanah demi menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran negeri Sabah kita yang tercinta ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.



YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah



PERUTUSAN

YANG BERBAHAGIA SETIAUSAHA TETAP

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, SABAH


Salam sejahtera,

Saya ingin mengucapkan sekalung syabas kepada Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Negeri Sabah (JPBW) kerana sekali lagi berjaya menganjurkan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2017 peringkat Negeri Sabah yang bertemakan “Planning Beyond Conventional: Public Participation Towards Liveable Cities in Sabah”. Sememangnya, ia bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi menjadikan bandar-bandar kita lebih pintar. Tambahan juga saya ingin menyeru dan menggalakkan kakitangan-kakitangan awam yang bernaung di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan (KKTP) agar sentiasa menaiktaraf prestasi dan kualiti kerja dengan menggunakan teknologi maklumat yang semakin mudah dicapai dalam kalangan masyarakat kita.

Sehubungan dengan perkara di atas, saya sekali lagi berbesar hati kerana JPBW, sebuah agensi penting di bawah naungan KKTP telah mengambil seruan kerajaan dalam menerbitkan Manual Piawaian & Garis Panduan Perancangan Umum untuk Kawalan Pembangunan di Sabah. Dengan terbitnya dokumen tersebut, ia sekaligus membuka peluang yang luas kepada para *stakeholders* yang terlibat dalam pembangunan fizikal di Sabah untuk lebih memahami akan pentingnya keseimbangan pengurusan gunatanah pembangunan dan alam sekitar.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada warga JPBW yang telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2015 & 2016. Saya berharap agar pencapaian ini menjadi dorongan kepada semua warga agensi-agensi di bawah KKTP agar terus komited, berinovasi dan berusaha gigih dalam merealisasikan dasar-dasar kerajaan negeri untuk menjadikan Sabah sebuah negeri yang maju, aman dan makmur.

Sekian, terima kasih.



YBHG. DATUK GINUN YANGUS
Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah



PRAKATA

PENGARAH

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH, SABAH

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, sekali lagi kita beroleh pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2017. Dalam wacana Buletin JPBW pada kali ini, saya ingin memberikan sekalung tahniah kepada seluruh warga Jabatan ini kerana sekali lagi menunjukkan usaha yang gigih dalam memartabatkan nama Jabatan. Sesungguhnya, saya menyokong fokus wacana buletin yang diterbitkan oleh sidang redaksi buletin pada kali ini iaitu “Planning Beyond Conventional: Public Participation Towards Liveable Cities in Sabah”.

Sebagai sebuah Jabatan yang sentiasa memberi fokus kepada pewujudan kawasan perbandaran yang terancang dan sistematik di Sabah, sudah tentu Jabatan ini banyak menerima cabaran dan salah satunya ialah jumlah penduduk yang semakin meningkat di Sabah. Dianggarkan bahawa setakat tahun 2017, seramai 3.9 juta orang mendiami negeri Sabah dan daripada jumlah tersebut lebih 553,000 sahaja tinggal di Kota Kinabalu, menjadikan bandaraya ini antara yang mempunyai jumlah kepadatan penduduk yang tertinggi di Malaysia. Berdasarkan kepada unjuran yang dicatatkan dalam Pelan Struktur Sabah 2033, penduduk Sabah akan meningkat sehingga 5.5 juta orang menjelang tahun 2033 dan di Wilayah Pantai Barat negeri ini sahaja, 80% penduduk di wilayah tersebut akan mendiami kawasan bandar yang merangkumi Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Papar dan Tuaran. Sehubungan dengan itu, sudah tentu ia membawa cabaran kepada Jabatan dalam memastikan sumber-sumber seperti tanah adalah cukup untuk menampung permintaan perumahan dan kawasan pekerjaan yang semakin meningkat setiap tahun.

Saya ingin menegaskan bahawa adalah penting bagi warga JPBW untuk sentiasa bersedia dalam menyelusuri cabaran yang sentiasa mendatang dalam membawa bandar-bandar di Sabah ke arah lebih berdaya huni. Bertepatan dengan tema Hari Perancangan Bandar Sedunia 2017 di peringkat negeri Sabah iaitu “Planning Beyond Conventional: Public Participation Towards Liveable Cities in Sabah”, saya ingin menyeru kepada semua perancang bandar Jabatan dan staf-staf sokongan agar memanfaatkan teknologi maklumat yang serba canggih yang kini boleh dicapai dengan mudah oleh kita semua. Kita semua hendaklah melihat perancangan bandar dari sudut yang berbeza dan melangkaui kelaziman supaya kita dapat menangani cabaran pembangunan dengan lebih efektif dan berimpak positif.

Sekali lagi Jabatan ini telah mengorak langkah dalam memastikan perancangan dan kawalan pembangunan lebih efisien dan bersepadu dengan pelancaran Manual Piawaian & Garis Panduan Perancangan Umum untuk Kawalan Pembangunan di Sabah. Berdasarkan kepada arahan daripada Kabinet Negeri pada tahun 2013, ia merupakan hasil daripada usaha Jabatan ini dengan konsultasi para *stakeholders* yang terdiri daripada mereka yang terlibat dalam sektor pembangunan hartanah, agensi-agensi teknikal lain dan para badan profesional bagi menghasilkan satu dokumen panduan umum yang bersepadu, terkini dan boleh diterimapakai di seluruh negeri Sabah.

Dalam kita bekerja keras untuk merealisasikan dasar-dasar kerajaan, saya juga memuji sikap dan semangat berpasukan oleh para warga Jabatan. Ini terbukti apabila, Jabatan ini telah merangkul beberapa kemenangan dalam pertandingan Sukan Nasional Perancangan Bandar dan Desa (SUKNA) ke-18 yang telah diadakan di Perak pada bulan April. Pada bulan Oktober, sekali lagi nama JPBW terserlah apabila dinobatkan naib johan

dalam pertandingan perbarisan kategori agensi kerajaan sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama Yang Di-Per-tua Negeri Sabah. Kemenangan-kemenangan yang dikecapi ini menunjukkan bahawa warga Jabatan mempunyai semangat kesukanan dan kerjasama yang tinggi dalam mencapai sasaran bersama.


Saya ingin mengucapkan tahniah kepada 18 warga Jabatan ini yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2015 dan 2016. Dengan pencapaian ini, saya berharap mereka akan menjadi inspirasi dan dorongan kepada seluruh warga Jabatan agar mencontohi sikap kerja yang ditonjolkan oleh mereka ini. Kepada yang menerima anugerah ini, teruskan usaha gigih anda dan jadilah contoh terbaik kepada seluruh warga Jabatan. Walaubagaimanapun, lebih penting lagi adalah perlunya Jabatan ini melahirkan kakitangan-kakitangan yang telus dan berintegriti. Di era yang serba moden dan canggih ini, sudah tentu cabaran yang dialami oleh Jabatan ini bukan sahaja dari segi perancangan bandar sahaja, malah adalah mustahak bagi kita untuk menonjolkan ketelusan dan integriti agar dihormati dan disegani oleh masyarakat awam.

Sehubungan dengan itu, Jabatan telah mengambil inisiatif luar biasa dengan melancarkan Pelan Integriti Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Negeri Sabah (PI-JPBWS). Saya ingin menyeru agar semua warga Jabatan memberikan komitmen dalam menjayakan agenda PI-JPBWS ini. Saya yakin Jabatan ini berupaya menjadi sebuah agensi kerajaan yang mengamalkan agenda integriti menjadi kenyataan. Dalam usaha tersebut juga, saya dan seluruh warga Jabatan ini juga telah menandatangani Ikrar Bebas Rasuah yang telah disaksikan oleh para pegawai khas daripada Agensi Pencegahan Rasuah Malaysia. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa warga Jabatan perlu mengambil serius terhadap inisiatif-inisiatif ini bagi memastikan Jabatan dan secara meluasnya, bidang perancangan bandar di negeri ini dipandang tinggi oleh masyarakat umum.

Adalah diharapkan agar penerbitan wacana buletin pada kali ini memberikan maklumat yang menarik dan padat mengenai JPBW dan kepentingan perancangan bandar dan wilayah di Sabah. Bagi warga Jabatan, diharapkan agar terus komited dan gigih dalam menaikkan nama Jabatan pada tahun-tahun seterusnya.

Wabillahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum WarahmatullahiWabarakatuh.

Sekian, terima kasih.



YBHG. TPr. TUAN HAJI MURSIDI HAJI SAPIE
Pengarah
Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Negeri Sabah.





Kursus Integriti Perancangan & Pengurusan Landskap Bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah anjuran Bahagian Landskap, JPBW telah diadakan pada 22-24 Ogos 2017. Kursus yang dianjurkan selama 3 hari tersebut diadakan di Hotel Tabung Haji, Kota Kinabalu dan telah dirasmikan oleh Datuk Dr Joachim Gunsalam, Pembantu Menteri Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP). Kursus ini adalah bertujuan bagi meningkatkan kefahaman PBT berkenaan perancangan landskap PBT serta memastikan penyeragaman dalam pelaksanaan program landskap di peringkat PBT.

Meningkatkan kefahaman
tentang Perancangan
Landskap serta Memastikan
Penyeragaman dalam
perlaksanaan program
landskap di peringkat PBT

Kursus Integriti

Perancangan dan Pengurusan
Landskap bagi Pihak Berkuasa
Tempatan Sabah



Landscape Design and Submission Procedure

JPBW telah dijemput sebagai salah seorang speaker bagi program Anjuran Institut Landskap Arkitek Landskap (ILAM) Sabah Chapter pada 3 April 2017 yang bertempat di Hotel Ming Garden, Kota Kinabalu. Wakil Jabatan adalah Ketua Penolong Pengarah (Landskap); Puan Nurulhayati Awang More yang telah membentangkan Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah bagi Penyediaan Keperluan Landskap Bagi Minimum 10% Kawasan Lapang Semua Jenis Pembangunan.



Tahniah diucapkan kepada Puan Nurulhayati Awang More kerana dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Persatuan Arkitek Landskap Perkhidmatan Awam Malaysia (PALMA) sesi 2018-2020. PALMA telahpun didaftarkan di bawah Pendaftaran Pertubuhan pada 31 Julai 2017 dan ianya merupakan satu wadah bagi memperjuangkan skim perkhidmatan Arkitek Landskap (J41 dan ke atas) di dalam perkhidmatan awam. Objektif utama penubuhan persatuan adalah untuk :

- Menyatukan suara dan pendapat di kalangan penjawat awam perkhidmatan secara kolektif,
- Mengutarakan masalah berbangkit berkenaan perjawatan dan organisasi ke peringkat yang tinggi, dan
- Merancang aktiviti yang difikirkan dapat memberikan faedah kepada ahli-ahli.



Disediakan: Bahagian Landskap, JPBW (Dis 2016)

LANDSKAP PERBANDARAN PUTATAN

Tujuan cadangan penyediaan ini adalah bagi meningkatkan kualiti persekitaran landskap perbandaran di kawasan MDPTN ke arah peningkatan kesejahteraan hidup yang seimbang dengan menjana ekonomi penduduk dan pengekalan ciri-ciri budaya sosio setempat.

Konsep dan Objektif

Menaik taraf persekitaran perbandaran daerah Putatan agar lebih menarik menerusi pengindahan landskap lembut dan kejur. Di samping itu menyediakan persekitaran ruang awam yang lebih kondusif dan selamat bagi meningkatkan kualiti hidup di kawasan perbandaran.

PROGRAM RAKAN TAMAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	NAMA PROJEK	TAHUN PENUBUHAN
Majlis Perbandaran Sandakan	Jawatankuasa RT Rumah Pangsa LPPB Batu 3 1/2, Jalan Utara	2015
Majlis Daerah Lahad Datu	Jawatankuasa RT Taman Bandar Lahad Datu	2015
Majlis Daerah Kota Marudu	Jawatankuasa RT Taman Awam Kota Marudu	2016
Majlis Daerah Tambunan	Jawatankuasa RT Taman Awam Sg. Tondulu, Taman Rekreasi Tambunan & Menara Jam	2016
Majlis Daerah Tenom	Jawatankuasa RT Taman Awam Padang Pekan	2016
Majlis Daerah Kuala Penyu	Jawatankuasa RT Taman Awam Pekan Kuala Penyu	2016
Majlis Daerah Keningau	Jawatankuasa RT Taman Awam MDK Keningau	2016
Majlis Daerah Nabawan	Jawatankuasa RT Taman Awam Pekan Nabawan	2016
Majlis Daerah Papar	Jawatankuasa RT Taman Pantai Lok Kawi	2016
Majlis Daerah Tuaran	Jawatankuasa RT Taman Sri Rugading, Jawatankuasa RT Taman Telipok Ria, Jawatankuasa RT Taman Telipok Jaya	2017

Program Rakan Taman adalah salah satu program kesukarelawan bagi menggalakkan masyarakat melakukan kerja-kerja kesukarelawan untuk memelihara keindahan dan kebersihan kawasan kejiranan. Program ini adalah di bawah Jabatan Landskap Negara yang telah dilancarkan pada 3 Mac 2013.

STATISTIK PELAN PEMBANGUNAN 2017

ZON PENTADBIRAN	PELBAGAI	PENUKARAN ZON
BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN		
Zon Barat Tengah (Kota Kinabalu dan Penampang)	118	7
Zon Barat Daya (Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Pitas, Ranau dan Tuaran)	41	5
Zon Barat Laut (Putatan, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang)	185	0
Zon Pendalaman (Tambunan, Keningau, Tenom, Nabawan)	53	2
Zon Tawau (Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak)	270	12
Zon Sandakan (Sandakan, Beluran, Kota Kinabatangan, Tongod)	87	5
Jumlah Pelan Pembangunan Diterima	754	31
LEMBAGA PUSAT PERANCANG BANDAR DAN DESA		
Zon Tengah (Kota Kinabalu dan Penampang)	49	5
Zon Barat Daya (Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Pitas, Ranau dan Tuaran)	34	8
Zon Barat Laut (Putatan, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang)	22	6
Zon Pendalaman (Tambunan, Keningau, Tenom, Nabawan)	18	1
Zon Tawau (Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak)	33	12
Zon Sandakan (Sandakan, Beluran, Kota Kinabatangan, Tongod)	26	3
Jumlah Diproses	182	35

PROGRAM PELUPUSAN REKOD

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH CAWANGAN TAWAU

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah cawangan Tawau telah melaksanakan program pelupusan rekod pada tahun 2017. Program ini adalah bertujuan untuk melupuskan rekod-rekod awam yang telah tamat tindakan dan telah mencapai tempoh simpanan yang ditetapkan dalam Jadual Pelupusan Rekod (JPR) serta keadaan fizikal rekod-rekod tersebut yang tidak mengizinkan pemeliharaannya.

Ketika program ini dilaksanakan, Pengarah Jabatan Arkib Negara Malaysia cawangan Sabah dan beberapa orang pegawainya telah meluangkan masa mengadakan lawatan bagi melihat proses pelupusan dilaksanakan.

Rekod-rekod berkenaan telah dibawa ke tapak pelupusan sampah Bukit Gemuk untuk dilupuskan. Turut hadir bersama semasa proses pelupusan berkenaan

adalah pegawai-pegawai dari Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, cawangan Tawau dan Jabatan Arkib Negara Malaysia cawangan Sabah.



LAWATAN KE JPBWS OLEH INTAN SABAH EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM



Pada 27.10.2017 satu lawatan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh Champion EKSA, Puan Norhafiezah Joinol Abdullah dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Sabah ke Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah (JPBW) telah diadakan. Lawatan dimulakan di Pejabat Bahagian Landskap, KK Times Square dan disusuli kemudian ke Ibu Pejabat JPBW, Wisma Tun Fuad Stephens. Turut hadir bersama lawatan tersebut adalah Puan Bernadette C Edmund, Timbalan Pengarah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk EKSA JPBW dan Puan Nurulhayati Awang More, Ketua Penolong Pengarah (Landskap) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Audit EKSA JPBW.

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TAWAU

Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah satu program kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT). Terdapat tiga jenis rumah PPR iaitu rumah pangsa berbilang tingkat, rumah pangsa 5 tingkat (walk-up flat) dan rumah teres.

Pada tahun 2014 sehingga 2017, Program Perumahan Rakyat (PPR) ini telah dilaksanakan di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS) di mana ia melibatkan beberapa daerah iaitu Semporna, Kunak, Lahad Datu dan Tawau.



Bagi Daerah Kunak, sebanyak 450 unit rumah di bawah skim Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dibina bagi memenuhi permintaan penduduk. Pada akhir tahun 2017, program tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sabah, YAB Tan Sri Panglima Musa Bin Haji Aman.

Manakala di kawasan Merotai iaitu di daerah Tawau pula terdapat sebanyak 470 unit rumah sedang dibina di mana 98% proses pembinaan telah pun selesai.



Program ini adalah bertujuan untuk menyediakan penempatan lebih selesa kepada penduduk di Daerah Tawau terutamanya mangsa-mangsa kebakaran di kawasan setinggan. Bagi Daerah Lahad Datu pula, program ini melibatkan 500 unit rumah yang dalam proses pembinaan.

Program Perumahan Rakyat (PPR) ini adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) di mana sebanyak 5,960 unit rumah PPR dicadang akan dibina di Sabah. Ia melibatkan 1000 unit di Kota Kinabalu, Sandakan (680 unit), Semporna (500 unit), Tawau (1,000 unit), Lahad Datu (1,000 unit), Papar (1,000 unit), Keningau (780 unit), Kudat (500 unit) dan Beaufort (280 unit).

PROGRAM KESEDARAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN GEMPA BUMI



Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah telah menganjurkan Program Kesedaran Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Gempa Bumi bertempat di Tabung Haji Hotel Kota Kinabalu pada 28 September 2017 dan di Promenade Hotel Tawau pada 27 Oktober 2017. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada orang awam dan agensi-agensi berwajib tentang pentingnya perlaksanaan garis panduan tersebut agar Sabah lebih bersedia menghadapi kemungkinan kejadian gempa bumi.



Program ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan Sabah YBhg. Datuk Ginun Yangus. “Stakeholder” program terdiri daripada pihak pemaju, badan-badan professional, PBT, Agensi Kerajaan dan Swasta. Tajuk-tajuk ceramah bagi program ini adalah *Existing application of seismic resistant building in Sabah*, *Introduction to Malaysian Standard (MS) EN1998-1 Eurocode 8:Design of Structure for Earthquake Resistance* dan *Application of Seismic Resistant Building Design – MPOB Lahad Datu Office Building, the first base isolated building with rubber bearings in Malaysia* masing-masing disampaikan oleh Institute of Engineering Malaysia, JKR Sabah dan Lembaga Getah Malaysia.

LATIHAN INDUSTRI 2017

Di sepanjang tahun 2017, seramai 8 orang pelajar daripada pelbagai institusi awam telah diterima untuk menjalani latihan industri di Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Sabah. Di sepanjang tempoh latihan berkenaan, pelajar-pelajar tersebut telah didedahkan dengan tatacara pentadbiran dalam perkhidmatan awam dan juga diberikan latihan teknikal berkaitan bidang perancangan bandar dan desa.

Beberapa siri taklimat juga dilakukan bagi membolehkan mereka memahami tentang visi, misi dan peranan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah dalam membantu kerajaan negeri khususnya berkaitan dengan aspek perancangan bandar dan desa. Di samping itu, bagi membantu para pelajar-pelajar berkenaan membiasakan diri dalam alam pekerjaan kelak, beberapa sesi latihan diberikan seperti pemeriksaan pelan pembangunan dan pelan bangunan serta kerja-kerja lapangan.

Selain daripada itu, pelajar-pelajar tersebut juga telah turut serta dalam upacara perbarisan sempena Hari Kebangsaan 2017 dan juga sambutan Hari Jadi Rasmi Tuan Yang DiPertua Negeri Sabah 2017.





MAJLIS ANUGERAH APC 2015-2016

Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor, pada 26 September 2017 bertempat di TH Hotel. Semoga terus sentiasa memberi perkhidmatan cemerlang kepada jabatan dan perkhidmatan awam .Penerima adalah seperti berikut:

TAHUN 2015.

1. Puan Bernadette C. Edmund
2. Encik Nazri Hamburg
3. Encik Abdul Wahid Bin Abdul Rashid
4. Encik Pasdik Francies
5. Encik Usly Harun
6. Puan Adelynna Adeline Foo Abdullah
7. Puan Rosnah Abdul Rahman
8. Puan Saulim Gutok
9. Cik Tan Sue Ching

TAHUN 2016

1. Puan Nurulhayati Binti Awang More
2. Encik Shahrum Radzlee Bin Mohd Samlih
3. Cik Carolyn Tay @ Carolyn Clement
4. Puan Mariani Udai
5. Encik Herry Issu
6. Encik Lee Wah
7. Encik Athanasius John Malis
8. Puan Jainisan Hj.Roman
9. Encik Amat Mohri Hj. Terimoh





Pelan Integriti Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Sabah (JPBWS) telah dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor pada 26 September 2017 di mana ianya bertujuan menjadikan JPBWS sebagai sebuah agensi peneraju dalam perancangan bandar dan desa yang teratur, progresif dan mapan di seluruh Sabah.

Pelan Integriti JPBWS merupakan sebuah pelan tindakan yang menekankan pembudayaan nilai murni di kalangan warga JP-BWS melalui pemantapan tadbir urus terbaik, peningkatan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, pemantapan budaya integriti dan pengurusan sumber manusia.

MAJLIS PELANCARAN PELAN INTEGRITI 2016-2020





ANUGERAH KECERMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI 2015

Majlis Penyampaian Hadiah bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti 2015 telah disampaikan oleh Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman bertempat di Dewan Bankuasi Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah pada 03 Oktober 2017.

Anugerah tersebut diberikan oleh Audit Negara Malaysia kepada Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Sabah di atas kecemerlangan Pengurusan Kewangan pada tahun 2015.





MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH



MAJLIS PENYERAHAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE 3



MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

AKTIVITI MBJ

Sepanjang tahun 2017, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali iaitu

- i. Bil.1/2017 - 24 Februari 2017
- ii. Bil. 2/2017 - 9 Jun 2017
- iii. Bil. 3/2017 - 11 September 2017
- iv. Bil.4/2017 - 8 Disember 2017

Program-program yang telah diatur untuk dilaksanakan pada tahun 2017 adalah:

- i. Lawatan sambil bermesyuarat di Pejabat JPBW Cawangan Sandakan.
- ii. Mengadakan lawatan ke Jabatan Perkhidmatan Negeri; dan
- iii. Hari Keluarga yang akan dianjurkan bersama oleh MBJ Pekerja, Badan Kebajikan Islam dan Kelab Sukan & Rekreasi KREW.





PERSIDANGAN PERANCANGAN NEGERI 2017

Sempena menyambut Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) 2017, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah telah mengadakan Persidangan Perancangan Negeri Sabah dengan bertemakan "Planning Beyond Conventional: Public Participation Towards Liveable Cities in Sabah" yang telah diadakan pada 31hb Oktober 2017 (Khamis) bertempat di Grand Ballroom, Magellan Sutera Harbour Resort.


Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Mohd. Noor mewakili YAB Ketua Menteri Sabah. Selain itu, Timbalan Ketua Menteri, YB. Tan Sri Datuk Panglima Joseph Pairin Kitingan juga hadir bersama Kabinet Menteri yang lain seperti Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, YB. Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun, Menteri Tugas-Tugas Khas, YB Datuk Seri Panglima Teo Chee Kang, Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Datuk Seri Panglima Radin Malleh, Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat, YB Datuk Siringan Gubat, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, YB Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Ayid, kedua-dua Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan iaitu YB. Datuk Dr. Joachim Gunsalam dan YB. Datuk Zakaria Haji Mohd. Edris.

Selain itu, persidangan tersebut juga dihadiri oleh Setiausaha-

Tetap Kementerian, Pengarah Jabatan, Pegawai-Pegawai Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sabah, Jabatan/agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Ahli-Ahli Majlis daripada Daerah-Daerah seperti Penampang, Tuaran, Kota Belud, Putatan, Papar dan Beaufort dan Institusi Pengajian di sekitar kawasan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah memeriahkan lagi persidangan tersebut. Seramai 550 peserta yang menghadiri persidangan tersebut merupakan jumlah peserta yang terbanding berbanding dengan tahun-tahun yang lepas.

Melalui Persidangan tersebut, pendedahan mengenai maklumat dan idea terkini berkenaan dengan penyertaan awam dalam proses perancangan yang baik telah dikongsi bersama kepada Jururancang, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Swasta, Institusi dan individu. Seramai empat (4) orang penceramah yang terdiri daripada kumpulan profesional dalam bidang perancangan Bandar dan kejuruteraan yang berpengalaman telah dijemput untuk memberikan ceramah dan berkongsi ilmu kepada para peserta.

Dalam Persidangan Perancangan Negeri Sabah 2017 juga, "Garis Panduan Piawaian Perancangan - Edisi Pertama" telah dilancarkan oleh YB. Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Mohd. Noor.



PERSIDANGAN MARINE SPATIAL PLANNING



Persidangan Marine Spatial Planning Negeri Sabah yang pertama dianjurkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah (JPBW) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kumpulan Pengajian Siswazah Fakulti Geoinformation and Real Estate (FGRE) dan WWF-Malaysia.

Marine Spatial Plan atau ringkasannya MSP merupakan satu proses berterusan untuk memastikan pendekatan berasaskan ekosistem bersepadu untuk perancangan, perlindungan, pengurusan dan penggunaan yang mampan bagi kawasan-kawasan marin dan sumber-sumbernya.

Penggunaan MSP yang berkesan diperlukan untuk menangani kekurangan penyelarasan dan integrasi dari sektor-sektor dan agensi kerajaan dan negara berlainan yang banyak mengambil remeh di dalam hal pengurusan kawasan marin. Oleh itu bagi memastikan pengurusan spatial marin yang mampan, peranan dan tanggungjawab institusi-institusi kerajaan yang berkaitan dengan marin menjadi fokus utama persidangan ini untuk memastikan perancangan spatial marin ke arah pengurusan yang mampan menjadi lebih efektif.



**NEGARAKU
SEHATISEJIWA**



**HARI KEBANGSAAN
PERINGKAT NEGERI SABAH 2017**

SAMBUTAN HARI JADI RASMI YANG DI PERTUA NEGERI SABAH 2017



Sempena Sambutan Hari Jadi Rasmi Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW) telah menjadi naib johan didalam pertandingan Istiadat Perbarisan Sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah. Ini adalah pencapaian terbaik kontinjen JPBW dalam acara ini yang dianggotai seramai 40 orang ahli. Sebanyak 85 pasukan yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, persatuan dan badan bukan kerajaan mengambil bahagian dalam istiadat perbarisan tersebut. Acara perbarisan disusuli dengan Tuan Yang Di-Pertua Negeri menerima Tabik Hormat Di-Raja daripada Pasukan Kawalan Kehormatan Utama, nyanyian Lagu Negaraku dan Sabah Tanah Airku dan tembakan meriam sebanyak 17 das.

Seterusnya Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah memeriksa perbarisan pasukan kontinjen yang mengambil bahagian dalam acara berkenaan diiringi oleh Panglima Markas Angkatan Petugas 450, Mejar Jeneral Datuk Zulkapri Rahamat. Acara turut dimeriahkan dengan persembahan daripada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Koir Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.



SUKAN NASIONAL PERANCANGAN BANDAR DAN DESA KALI KE 18 PERAK 2017



Kelab Sukan & Rekreasi Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Sabah (KREW) telah menghantar rombongan ke Tanjung Malim, Perak untuk menyertai Sukan Nasional Perancangan Bandar & Desa kali ke-18 (SUKNA). Jabatan Perancangan Bandar & Desa Perak (Kini dikenali sebagai PLAN Malaysia Perak) memilih Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai tempat perkampungan sukan. Kontinjen JPBW seramai 64 orang (Atlit dan penyokong) itu diketuai oleh Encik Shahrum Radzlee Bin Mohd. Samlih.



Buat pertama kalinya, acara olahraga dipertandingkan dan kontinjen JPBW mengungguli acara itu dengan membawa pulang 4 pingat Emas (1500 meter Lelaki, 200 meter Lelaki, 200 meter Wanita, Lontar Peluru Wanita) 1 Perak (Lompat Jauh Lelaki) dan 3 Gangsa (100 meter lelaki, Lontar Peluru Lelaki, 4x100 Lelaki). Kontinjen JPBW juga turut memenangi Perbarisan Terbaik sempena Majlis Pembukaan SUKNA Perak XVIII. Acara yang berlangsung selama 4 hari itu bermula pada 21 April dan berakhir pada 24 April 2017.



RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI DAN PESTA KAAMATAN

Kelab Sukan dan Rekreasi (KREW) Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Sabah (JPBW) telah mengadakan Program 2 dalam 1 iaitu majlis Rumah Terbuka Aidifitri dan sambutan Pesta Kaamatan Peringkat Jabatan pada 19 Julai 2017 bertempat di Dewan Persidangan Wisma Tun Fuad Stephens Kota Kinabalu. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah JPBW, TPr. Tuan Haji Mursidi bin Haji Sapie. Majlis ini dihadiri oleh kakitangan dan keluarga JPBW dan tetamu-tetamu jemputan lain.

Kakitangan dan tetamu jemputan telah datang dengan memakai pakaian Hari Raya dan pakaian tradisional suku kaum Kadazandusun. Majlis turut dimeriahkan dengan acara tarian Magunatip, nyanyian Karaoke dan acara meniup sumpit. Dalam majlis itu juga, kakitangan JPBW telah mengadakan satu kejutan yang berbentuk tayangan video dan hidangan kek kepada salah seorang kakitangan JPBW iaitu Encik Awang Laiman bagi meraikan hari persaraan beliau.



MERAIKAN PARA ANAK YATIM DAN PELAJAR TAHFIZ

Bersempena dengan bulan Ramadhan, Majlis Penyerahan Sumbangan dan Meraikan Para Anak Yatim dan Pelajar Tahfiz telah diadakan pada 16 Jun 2017 bersamaan 21 Ramadhan 1438 Hijrah di Bilik Mesyuarat Persidangan Tingkat 2, Wisma Tun Fuad Stephens. Majlis khas ini telah disempurnakan oleh Pengarah JPBW, TPr. Tuan Haji Mursidi Haji Sapie.

Antara aktiviti yang dianjurkan adalah solat Maghrib berjemaah, diikuti dengan acara berbuka puasa beramai-ramai bersama Pengarah, ahli-ahli Badan Kebajikan Islam dan anak-anak yatim dan pelajar tahfiz daripada sekolah Madrasah Waqaf Islamiah Sabah di Kota Kinabalu.

Sebanyak RM1,000.00 telah disumbangkan kepada Madrasah Waqaf Islamiah Sabah. Bagi memeriahkan lagi acara, ahli jawatankuasa BKI juga telah menganjurkan pertandingan “puzzle solving” kepada para anak yatim dan pelajar tahfiz yang hadir sementara menunggu untuk berbuka puasa. Di akhir majlis berkenaan, penyampaian cenderamata dan sesi bergambar beramai-ramai telah diadakan sebagai tanda kenangan.



PROGRAM LAWATAN KEBAJIKAN AMAL

Badan Kebajikan Islam JPBW telah mengadakan Program Lawatan Kebajikan Amal ke Masjid Al-Hadhari, Kg. Masolog, Kota Marudu pada 17 Disember 2017. Program ini telah melibatkan ahli-ahli jawatankuasa BKI dan juga beberapa staf-staf Muslim JPBW di mana mereka diberi peluang untuk meninjau sendiri keadaan dan persekitaran sekitar masjid dan bersuaikan dengan ahli-ahli jawatankuasa masjid dan juga penduduk setempat.

Dalam program tersebut, sejumlah sumbangan berupa sejadah, kitab Al-Quran, buku-buku agama dan barang-barang dapur untuk keperluan jawatankuasa masjid telah diberikan kepada jawatankuasa masjid yang diketuai oleh pengerusinya iaitu Ustaz Ikhwan Abdullah dan para penduduk sekitar yang hadir dalam masjid tersebut. Sebahagian daripada sumbangan tersebut disalurkan oleh Pusat Zakat Sabah dan selebihnya pula adalah hasil daripada sumbangan oleh staf-staf Muslim JPBW sendiri.



WARGA JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

JASAMU DIKENANG

Ucapan Setinggi-tinggi ribuan terima kasih atas khidmat bakti yang dicurahkan di jabatan ini dan selamat bersara semoga sentiasa maju jaya dalam segala lapangan yang diceburi”



Encik Leo Bopulas
pada 1 Februari 2017



Puan Jenne Yap
pada 1 Februari 2017



Encik Awang Laiman
pada 21 Julai 2017



Encik Leonard Shiong
pada 25 November 2017



Encik Abdul Nasir Mohd. Rais
pada 27 November 2017

SELAMAT DATANG



Cik Normahnila Musah
Pengawai Perancang Bandar
dan Desa J41 melapor diri
pada 15 Oktober 2017



Encik Mohamad Ade Bin Alias @ Darman
Penolong Arkitek Landskap J29
melapor diri pada Julai 2017



Cik Azaria Zarith Ruslan
Penolong Arkitek Landskap J29
melapor diri pada September 2017



Cik Nuraida binti Atim
Pelukis Pelan J29
melapor diri pada Julai 2017

menimang CAHAYAMATA

Ucapan Tahniah kepada Warga JPBW kerana telah menambah Kouta Keluarga Warga JPBWS;

Encik Danny Gaery F. Malinggi pada 27/02/2017



Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Tingkat 3, 4 & 5, Menara Tun Fuad
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens,
Km 2.4, Jalan Tuaran,
88646 Kota Kinabalu.

Tel: 088-222336/7 Fax: 088222557

